

TARIKH	11 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Negara

Kuota jemaah haji Malaysia tidak terjejas



KOTA KINABALU - Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman (gambar) berkata, hasil pertemuannya dengan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud Al Faisal baru-baru ini memberi gambaran positif bahawa kuota haji Malaysia tidak terjejas ekoran perhimpunan Bersih 3.0 di Masjid Nabawi, Madinah dan Masjidil Haram, Mekah pada 26 April lepas.

Anifah berkata, pada pertemuan itu, beliau telah menerangkan tentang perkara sebenar berhubung kejadian perhimpunan itu yang bu-

kan menjadi amalan budaya rakyat di negara ini.

"Pertemuan itu menunjukkan perkhbarian positif dan saya percaya melalui hubungan baik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Raja Arab Saudi, Raja Abdullah dan hubungan akrab saya dengan Menteri Luar Arab Saudi, kuota haji tidak terjejas.

"Mereka juga mahu jaminan perhimpunan itu tidak akan berlalu lagi pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengha-

diri menjaja makan malam bersama pesita keramaian di kawasan Parlimen Kuching di sini semalam.

Kerajaan Arab Saudi sebelum ini dilaporkan sedang membuat pertimbangan sama ada untuk mengenaikan sekatan atau menggantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia berikutan insiden perhimpunan haram di kedua-dua masjid suci itu pada 26 April lepas.

Anifah berharap kuota rakyat Malaysia untuk menunaikan haji pada tahun ini tidak akan terjejas

ekoran insiden yang telah mengundang perhatian serius daripada kerajaan Arab Saudi itu.

Katanya, jika kuota untuk tahun ini terjejas, ia akan memberi kesan pada tahun akan datang seperti yang berlaku pada negara Iran yang digantung selama tiga tahun kerana mengadakan demonstrasi di negara itu.

Bagaimanapun, beliau percaya kerajaan Arab Saudi tidak akan berbuat sedemikian kerana mereka pernah memuji rakyat Malaysia merupakai jemaah yang terbaik.